

28 JAN 1999

MIC-Media

MIC RAYU MEDIA ASING BERLAKU ADIL

KUALA LUMPUR, 28 Jan (Bernama) -- MIC hari ini merayu kepada media asing supaya berlaku adil dan jujur dalam laporan mereka dengan mengambil kira situasi politik dan ekonomi negara ini yang semakin baik sekarang.

Presiden MIC dan Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu sambil menyatakan bahawa beliau sedar bukan semua media asing bersikap tidak adil kepada negara ini dan pemimpinnya, berkata sesetengahnya berat sebelah dalam laporan mereka walaupun sudah ada tanda-tanda pemulihan ekonomi dan kestabilan politik.

"Walaupun beberapa tindakan telah diambil oleh kerajaan baru-baru ini (untuk memulihkan ekonomi dan menstabilkan keadaan politik), tetapi berita yang disiarkan media asing nampaknya sama seperti dahulu," kata beliau.

Samy Vellu berkata mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat MIC (CWC) yang telah membincangkan perkara itu hari ini merasakan bahawa media asing perlu melaporkan secara meluas kemajuan yang dicapai oleh negara dalam memulihkan ekonominya.

"Kita minta media asing supaya menyiarkan berita yang berasas, seimbang dan benar mengenai situasi ekonomi dan politik negara," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat CWC selama tiga jam di Ibu Pejabat MIC di sini.

Samy Vellu juga berkata mesyuarat hari ini menyambut baik pelantikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Timbalan Perdana Menteri dan berikrar untuk memberikan kerjasama kepada beliau dalam menjalankan tugasnya.

"Kami juga ingin mengulangi sokongan kami yang tidak berbelah bahagi terhadap kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Mengenai pilihan raya Sabah, Samy Vellu berkata Timbalan Presiden MIC Datuk S.Subramaniam akan mengetuai satu pasukan mengandungi naib-naib presiden parti Datuk G.Palanivel dan Datuk K.Kumaran untuk membantu Barisan Nasional Sabah menghadapi pilihan raya itu.

MIC akan mengadakan perhimpunan agung tahunannya pada 31 Julai dan 1 Ogos ini.

Mengenai penubuhan suruhanjaya siasatan untuk menyiasat kecederaan yang dialami bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim semasa beliau dalam tahanan polis pada September lepas, Samy Vellu berkata: "Kita perlu tahu siapakah sebenarnya yang melakukannya."

-- BERNAMA

ES RHM MAI